

## HELAIAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca **Helaian Makluman Produk** ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon **Hong Leong BizOne Solution (Kemudahan Overdraf bercagarkan Deposit Tetap)** dengan Hong Leong Bank Bhd.

Pastikan anda membaca terma-terma dan syarat-syarat muktamad yang akan ditetapkan di dalam surat tawaran dan perjanjian kemudahan. Kandungan yang tertera dalam helaian ini hanya meliputi maklumat umum produk.

Sila dapatkan penjelasan daripada pihak Bank sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma am yang dinyatakan di dalam helaian maklumat ini.



## Hong Leong BizOne Solution (Kemudahan Overdraf bercagarkan Deposit Tetap)

Tarikh: <Tarikh surat perjanjian tawaran dikeluarkan>

### 1. Apakah produk ini?

- Overdraf ini adalah pinjaman jangka yang berterusan selagi peminjam menguruskan akaunnya dalam keadaan yang memuaskan dan mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Hong Leong Bank Bhd.
- Hong Leong BizOne Solution (Kemudahan Overdraf bercagarkan Deposit Tetap) ("**Kemudahan**") adalah kemudahan overdraf bercagar yang diberikan kepada PKS Mikro Malaysia yang terdiri daripada Keempunyaan Tunggal, Perkongsian Tak Diperbadankan, Perkongsian Liabiliti Terhad dan syarikat Sendirian Berhad (iaitu syarikat dengan "Sdn Bhd" pada namanya) dengan Pusing Ganti Jualan Tahunan berjumlah sehingga RM5,000,000.00.
- Anda menawarkan Deposit Tetap Entiti Perniagaan anda / Deposit Tetap Syarikat dan/atau Deposit Tetap individu pihak ketiga lain yang diterima oleh pihak Bank sebagai cagaran bagi Kemudahan ini.
- Faedah atas Kemudahan adalah dikira berdasarkan baki harian dan dikenakan atas amaun yang digunapakai sahaja.
- Had Kemudahan yang bakal disediakan hendaklah sepadan dengan jumlah pokok letakan BizOne Deposit Tetap yang anda bercagarkan.

### 2. Apa yang saya perolehi dari produk ini?

• Jumlah Pembiayaan Overdraf	Minimum RM10,000.00 Maksimum RM3,000,000.00
• Amaun Overdraf	RM _____ (Jumlah Amaun Dipinjam)
• Tempoh Deposit Tetap	1 Bulan
• Margin Pembiayaan	100%
• Kadar Rujukan	HLB Kadar Faedah Deposit Tetap 1 bulan (" <b>FD 1 bulan</b> ")  <b>NOTA:</b> FD 1 bulan adalah 1.50% setahun setakat 10 Jun 2020
• Kadar Ditetapkan	FD 1 bulan + 1.00% setahun  <b>NOTIS PENTING:</b> Kadar Minimum yang Ditetapkan (" <b>MPR</b> ") kepada Kemudahan adalah tidak kurang daripada 1.70% setahun dikira atas baki harian atau kadar minimum lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.
• Yuran Komitmen	1.00% setahun akan dikenakan ke atas jumlah Kemudahan yang tidak digunakan

<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah Faedah yang Dikenakan</li> </ul>	<p>Berdasarkan Kadar Faedah dikenakan atas jumlah pembiayaan yang digunakan termasuk Yuran Komitmen untuk jumlah yang selebihnya</p> <p>Fomula pengiraan untuk Jumlah Faedah yang dikenakan:</p> <p>[Jumlah Pembiayaan Overdraf yang digunankan x Kadar Faedah x Tempoh Hari Penggunaan / 365 hari] + [Yuran Komitmen x Jumlah Pembiayaan yang tidak digunakan]</p>
--	---

*Contoh:*

Jumlah Pembiayaan Overdraf	: RM100,000
Jumlah yang digunakan	: RM20,000
Tempoh hari penggunaan	: 30 hari dalam bulan September
Kadar Ditetapkan	: FD 1 bulan + 1.00% setahun
Kadar Efektif Pinjaman / Faedah Overdraf	: 2.50% setahun
Yuran Komitmen	: 1.00% setahun akan dikenakan ke atas jumlah Kemudahan yang tidak digunakan
Jumlah Faedah yang Dikenakan bagi bulan September	<p><b>: RM106.85</b></p> <p><u>Faedah dikenakan bagi pembiayaan Overdraf yang digunakan:</u>  <b>RM49.09 = (RM20,000 x 2.50% x 30 / 365)</b></p> <p><u>Yuran Komitmen:</u>  <b>RM65.75 = (RM80,000 x 1.00% x 30 / 365)</b></p>

**NOTA:** Sila ambil perhatian bahawa kadar tertera di atas adalah indikatif sahaja. Jumlah pembiayaan overdraf yang diluluskan dan kadar faedah yang muktamad adalah tertakluk kepada kelulusan pihak Bank dan mungkin berbeza daripada yang tertera. Untuk kadar yang sebenar, sila rujuk kepada surat perjanjian tawaran.

### 3. Apakah kewajipan saya?

- Membuat pembayaran faedah bulanan yang dikenakan berdasarkan jumlah kemudahan pembiayaan yang digunakan.
- Membuat pembayaran jumlah tertunggak (jumlah prinsipal termasuk dan faedah yang dikenakan) yang terhutang kepada Bank semasa pembatalan atau penamatan atau penarikan balik kemudahan pembiayaan.

**NOTIS PENTING:** Kadar faedah bulanan yang dikenakan bagi jumlah pembiayaan yang digunakan dan jumlah kaedah faedah yang dikenakan anda akan berubah jika berlaku perubahan pada kadar faedah FD 1 bulan. *Contoh:*

Jumlah Pembiayaan Overdraf	: RM100,000
Jumlah yang digunakan	: RM20,000
Tempoh hari penggunaan	: 30 hari dalam bulan September
Kadar Ditetapkan	: FD 1 bulan + 1.00% setahun
Yuran Komitmen	: 1.00% setahun akan dikenakan ke atas jumlah Kemudahan yang tidak digunakan

Jadual berikut menunjukkan perubahan kepada kadar faedah bulanan yang dikenakan dan jumlah kadar faedah yang dikenakan jika ada perubahan kepada kadar faedah FD 1 bulan:

Kadar Ditetapkan (FD 1 bulan + 1.00% setahun)	Kadar FD 1 bulan semasa	Jika FD 1 bulan NAIK 1.00%	Jika FD 1 bulan TURUN 1.00%
FD 1 bulan	1.50% setahun	2.50% setahun	0.50% setahun
Kadar Ditetapkan	2.50% setahun	3.50% setahun	1.50% setahun
Kadar Efektif Pinjaman / Faedah Overdraf	2.50% setahun	3.50% setahun	1.70% setahun <sup>1</sup>
Faedah dikenakan bagi pembayaran Overdraf yang digunakan	RM41.09	RM57.53	RM27.95
Yuran Komitmen	RM65.75	RM65.75	RM65.75
Jumlah Faedah yang Dikenakan	RM106.85	RM123.28	RM93.70

<sup>1</sup> MPR hanya terpakai apabila Kadar Efektif Pinjaman kurang daripada 1.70% setahun.

Pengiraan berdasarkan jumlah penggunaan dalam bulan September

#### 4. Apakah fi and caj lain yang perlu saya bayar?

- Untuk senaraifi dan caj yang lengkap, sila layari laman web kami di [www.hlb.com.my/bizone2](http://www.hlb.com.my/bizone2) atau imbas di sini



#### 5. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

• Overdraf Lebihan	4.00% setahun melebihi BLR dikira atas baki harian bagi amaun yang dikeluarkan melebihi had Kemudahan yang diluluskan  <b>NOTA:</b> BLR semasa adalah 5.64% setahun
• Hak Penolakan	Pihak Bank mempunyai hak untuk menolak selesai mana-mana baki kredit dalam akaun anda di Bank terhadap sebarang baki tertunggak.
• Hak untuk memulakan proses pengambilan semula dan tindakan undang-undang	Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda gagal memberi balasan kepada notis peringatan.  Pihak Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pengambilan semula (termasuk melantik pihak ketiga sebagai agensi pengutip hutang) dan prosiding kebangkrapan.  <b>NOTA:</b> Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan menjejaskan tahap penarafan kredit anda yang akan mengakibatkan kelulusan permohonan pembiayaan lebih sukar atau pembiayaan lebih mahal.

#### 6. Bagaimana jika saya menjelaskan pinjaman sebelum tempoh matang?

- Tidak berkaitan

#### 7. Adakah saya memerlukan insurans atau perlindungan takaful?

- Tidak berkaitan

## 8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat dalam butiran peribadi saya?

- Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan terhadap maklumat perhubungan anda untuk memastikan anda dapat menerima kesemua surat-menyurat tanpa kelewatan. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi kami di **+603-7626 8899** atau kunjungi mana-mana cawangan di seluruh negara.

## 9. Dimana boleh saya mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik, anda perlu menghubungi kami secepat mungkin untuk membincangkan pembayaran balik alternatif. Anda boleh menghubungi kami di:  
Tel : +603-7626 8899
- Anda juga boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:  
Alamat : Tingkat 5 and 6, Menara Bumiputra Commerce, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.  
Tel : +603-2616 7766 .  
E-mel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)
- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:  
Alamat : **Customer Advocacy, Hong Leong Bank Berhad**  
Level 13A, Hong Leong Tower, No. 6, Jalan Damanela, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur  
Tel : +603-7626 8801/ +603-7626 8802/ +603-7626 8812.  
E-mel : [customerservice@hlbb.hongleong.com.my](mailto:customerservice@hlbb.hongleong.com.my)
- Sekiranya pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan pada tahap yang memuaskan, anda boleh menghubungi:  
Add : **Bank Negara Malaysia LINK/TELELINK**  
Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.  
Tel : 1-300-88-5465  
Fax : +603-2174 1515  
E-mail : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

## 10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Jika anda ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Hong Leong BizOne Solution, sila lawati cawangan-cawangan berhampiran kami dan laman web kami di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)

## 11. Pakej pinjaman lain ada

- Tidak berkaitan

### **NOTIS PENTING:**

DEPOSIT TETAP ANDA DAN/ATAU SEBARANG BAKI KREDIT DALAM MANA-MANA AKAUN YANG  
DISELENGGARA OLEH PIHAK BANK BOLEH DITOLAK SELESAI JIKA ANDA GAGAL MENERUSKAN  
BAYARAN BALIK BAGI PEMBIAYAAN OVERDRAF ANDA.

Maklumat yang diberikan dalam helaian makluman produk ini adalah sah pada \_\_\_\_\_

Dikemaskini pada: 21 Mei 2021